

01/05/2000

Tuntutan sukar dilaksana

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Ahad - Kerajaan tidak dapat menetapkan gaji minimum sebanyak RM1,200 sebulan secara sekali gus kepada pekerja di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, penentuan gaji minimum yang tinggi bukan saja menyebabkan kenaikan gaji menyeluruh yang tidak mampu dipikul kerajaan atau swasta.

Menyampaikan perutusan sempena Hari Pekerja yang disambut esok, beliau berkata, jika kerajaan berbuat demikian, ia akan menjadikan kenaikan gaji bagi semua pekerja, bahkan eksekutif juga, ke paras yang amat tinggi.

Jika seseorang yang dibayar gaji RM400 sekarang, dinaikkan gajinya kepada RM1,200, pekerja yang sekarang dibayar RM1,200, juga akan menuntut kenaikan gajinya supaya jarak antaranya dengan pekerja yang dulu dibayar RM400, dapat dikekalkan.

"Dan jarak ini tentulah melebihi RM800, menjadikan gajinya sekurang-kurangnya lebih RM2,000. Apabila ia mendapat RM2,000, orang lain yang dulu mendapat RM2,000, iaitu RM800 lebih daripadanya, akan menuntut supaya jarak antara mereka terus RM800 atau lebih, iaitu sekurang-kurangnya RM2,800.

"Kemudian, mereka yang dulu bergaji RM2,800 akan juga meminta supaya mereka dinaikkan gaji untuk mengekalkan jarak antara mereka dengan yang mendapat RM2,800.

"Dengan perkataan lain, penentuan gaji minimum yang tinggi akan menyebabkan kenaikan gaji menyeluruh, yang tidak mampu dipikul oleh kerajaan atau swasta. Saya tidak perlu menyebut apa akan terjadi kepada ekonomi negara dan daya saingnya," katanya.

Perdana Menteri berkata, akhir-akhir ini memang banyak kedengaran berkaitan gaji minimum itu sehingga ada menyatakan beliau sendiri mahu menetapkan gaji minimum RM1,200 sebulan.

"Sebenarnya, apa yang saya perkatikan ialah saya ingin melihat pekerja mendapat sekurang-kurangnya RM1,200 sebulan hasil daripada peningkatan produktiviti mereka dan majikan mereka. Kita tidak dapat sekali gus menetapkan gaji minimum sebanyak RM1,200 sebulan," katanya.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) baru-baru ini mengemukakan cadangan supaya kerajaan melaksanakan gaji minimum bagi pekerja di semua sektor dan menetapkan jumlahnya pada RM1,200 sebulan.

Bagaimanapun, cadangan itu mendapat tentangan terutama daripada majikan yang menganggap ia terlalu tinggi dan menyebabkan peningkatan kos pengeluaran, sekali gus menjejaskan produktiviti dan daya saing negara.

MTUC juga meminta kerajaan mengadakan kajian mengenai kadar gaji minimum hampir dua juta pekerja di negara ini yang didakwa menerima gaji kurang RM600 sebulan.

Keadaan itu dikatakan tidak selaras dengan peningkatan taraf hidup sekarang dan jika berlanjutan, boleh menyebabkan kesan negatif seperti pertambahan setinggan.

Kementerian Sumber Manusia juga turut mendapatkan khidmat daripada Universiti Malaya bagi menjalankan kajian mengenai perkara yang sama.

Dr Mahathir berkata, kerajaan amat menghargai sikap dan kefahaman masyarakat pekerja yang menyumbang kepada kemajuan negara ini. Pandangan pekerja, bukan sahaja hal ehwal pekerja malah masalah lain, tetap akan diberi pertimbangan oleh kerajaan.

"Jika kerajaan kadang-kadang tidak bersetuju dengan pekerja dalam

desakan mereka, sebabnya ialah kerana kerajaan terpaksa memikirkan kepentingan negara secara menyeluruh, yang mana maju mundurnya negara akan mempengaruhi nasib pekerja juga.

"Sepertimana kita semua maklum, kerajaan sanggup menaikkan gaji tanpa tuntutan oleh pekerja (10 peratus) jika kerajaan mempunyai kemampuan dan ia tidak mempunyai kesan buruk terhadap kewangan kerajaan, daya saing kita dan ekonomi negara.

"Kerajaan ini amat bersimpati dengan masyarakat pekerja dan akan membuat apa yang mampu dibuat untuk kebaikan mereka. Kita tidak ingin melihat jarak di antara yang berpendapatan rendah dengan yang berpendapatan tinggi terlalu jauh, setelah mengambil kira cukai yang dikenakan.

"Saya berharap dan berdoa supaya keharmonian dan keamanan dalam hubungan perusahaan di negara ini akan menjadi bertambah baik demi kebaikan kita bersama," katanya.

(END)